



Ruj. Kami : UMS/BEN3.7.3/400-1/7/1 ()
Tarikh : 25 Mei 2023

SENARAI EDARAN

YBrs. Prof./Dr./Tuan / Puan,

MAKLUMAN TARIKH AKHIR PERMOHONAN PERUNTUKAN DAN PEROLEHAN BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua permohonan perolehan secara Tender dan Sebut Harga tahun 2023 bagi semua Kumpulan Wang hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari seperti perincian berikut;

Kaedah Perolehan	Tarikh Akhir Permohonan Perolehan
Tender	4 Ogos 2023 (Jumaat)
Sebut Harga	1 September 2023 (Jumaat)

3. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam dokumen yang lengkap bagi membolehkan proses iklan Tender dan Sebut Harga serta pembekalan selesai dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan.

4. Bagi Perolehan secara Pembelian Terus / Lantikan Terus, tarikh akhir pengeluaran Pesanan Tempatan oleh PTJ bagi semua Kumpulan Wang adalah pada **10 November 2023 (Jumaat)**.

5. Bagi perolehan yang memerlukan tambahan peruntukan atau peruntukan *One-Off* hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Belanjawan **selewat-lewatnya pada 30 Jun 2023** agar pertimbangan dapat dibuat sebelum tarikh akhir perolehan seperti dalam jadual di Para 2. Permohonan peruntukan yang diterima selepas 30 Jun 2023 hanya akan dipertimbangkan untuk tahun kewangan 2024. Tindakan ini diambil bagi memastikan:

- semua komitmen tahun 2023 dapat diselesaikan dan dibayar pada tahun semasa agar tidak menjejaskan peruntukan tahun 2024;
- analisis dan penilaian prestasi perbelanjaan sebenar universiti dapat dibuat; dan
- penumpuan kepada proses penutupan akaun tahun 2023 serta penyediaan bajet tahun 2024.

6. YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa sebarang kelewatan permohonan selepas tarikh tersebut di atas akan dibawa ke tahun hadapan tertakluk kepada peruntukan mencukupi dan justifikasi yang diberikan.



Certified to ISO9001 : 2015
Cert. No: QMS 01200

Kerjasama dan perhatian YBrs. Prof./Dr/Tuan/Puan berkaitan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menjalankan Amanah,



MATSAH BIN AJUH

Timbalan Bendahari Kanan
Bahagian Pengurusan Kewangan
b.p Bendahari

No. Tel : 088-320000 samb. 101946
No. Faks : 088-320235
Alamat e-mel : matsah@ums.edu.my

- s.k:
- Bendahari
 - Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Kewangan HUMS
 - Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar & Operasi Kewangan
 - Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Governan, Pemantauan & Kutipan
 - Timbalan Bendahari, Bahagian Pengurusan Akaun
 - Timbalan Bendahari, Bahagian Pentadbiran & Bayaran
 - Penolong Bendahari Kanan, Sektor Kewangan Kampus Antarabangsa Labuan